

# Pasaran teknologi masih luas

BH - 25/11/2007

## Syarikat ICT boleh teroka peluang di Malaysia berkembang perkhidmatan: Najib

Oleh Wan Jailani Razak

**S**HAH ALAM: Malaysia mempunyai potensi luas bagi pembekal perkhidmatan untuk memasarkan teknologi mereka di sebalik kadar penembusan telefon selular yang tinggi, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia mencatat kadar penembusan yang tinggi iaitu 81.6 peratus, masih ada ruang untuk pertumbuhan bagi perkhidmatan baru seperti jalur lebar mudah alih dan multimedia.

Katanya, perkhidmatan internet juga mempunyai potensi luas kerana kadar penembusannya hanya 3.75 juta pelanggan atau cuma 14 peratus manakala jalur lebar, 2.5 peratus.

"Syarikat teknologi seperti DiGi (DiGi Telecommunications Sdn Bhd) perlu melihat bidang ini untuk pengembangan masa depan mereka," katanya ketika merasmikan ibu pejabat baru DiGi yang dinamakan D'House di Subang Hi-Tech Indus-

**“** Syarikat teknologi perlu melihat bidang ini untuk pengembangan masa depan”

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

trial Park di sini, malam tadi.

Hadir sama, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Pengerusi DiGi, Arve Johansen dan Ketua Eksekutifnya, Morten Lundal.


Najib berkata, ketika kerajaan memberi fokus berterusan terhadap pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), syarikat seperti DiGi dan rakan kongsinya perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam meneroka peluang baru perniagaan.

Beliau yakin dengan adanya kerjasama yang baik antara sektor swasta dan kerajaan, ia bukan saja akan menjana perolehan kewangan tetapi pada masa sama memberi faedah kepada pembangunan sosioekonomi negara.

"Adalah diharap DiGi akan terus memainkan peranan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dalam meningkatkan kehidupan rakyat disamping berusaha memajukan perniagaan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kejayaan sesebuah syarikat dalam perniagaan banyak ditentukan oleh jenama dan produk yang sekali gus mencerminkan cara pekerja menjalankan tugas masing-masing.

Berikutan itu, katanya, pihak pengurusan tertinggi syarikat perlu memastikan mereka menyediakan daya kepimpinan dan hala tuju kepada semua pekerja serta memas-



**TANDA PERASMIAN:** Najib menandatangani plak perasmian Pejabat Korporat DiGi, D'House sambil diperhatikan Morten Lundal (kiri) dan Arve Johansen di Subang Hi-Tech Industrial Park, malam tadi.

tikan persekitaran tempat kerja yang baik bagi mendapatkan hasil yang terbaik daripada pekerja.

Beliau juga memuji perkongsian DiGi dengan syarikat telekomunikasi Norway, Telenor, yang disifatkan berkembang dengan baik.

Sementara itu ketika majlis me-

meterai perjanjian antara kerajaan dengan Satang Jaya Sdn Bhd bagi Penyelenggaraan Peralatan Keselamatan Dan Ikhtiar Hidup Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di ibu negara, beliau yang juga Menteri Pertahanan memberi jaminan tindakan tentera laut Britain membekukan be-

berapa aset pertahanannya tidak akan menjejaskan Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA).

Najib berkata, Britain masih komited sebagai antara anggota utama dalam FPDA kerana berpendirian ia adalah persefahaman ketenteraan yang masih relevan.